

# Rakyat digesa kuasai ilmu

UM 26 JAN 2002

ALOR GAJAH 25 Jan. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menggesa rakyat negara ini supaya menguasai ilmu pengetahuan yang boleh membantu mereka menghasilkan barangan bermutu dan canggih untuk pasaran dunia.

Katanya, Malaysia ingin memiliki rakyat serba boleh supaya mereka mampu mencipta barangan yang bukan sahaja untuk kegunaan dalam negeri tetapi juga antarabangsa.

"Ilmu pengetahuan seumpama itu penting kerana Malaysia adalah sebuah negara dagangan dan kita tidak akan mencapai pertumbuhan yang tinggi jika bergantung kepada barangan keluaran pihak lain," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di upacara pecah tanah kampus tetap Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) di Durian Tunggal dekat sini hari ini.

Dr. Mahathir berkata, walaupun Malaysia mempu-

nyai nilai eksport yang tinggi namun semua barangan berkenaan dikeluarkan oleh syarikat asing yang terdapat di negara ini.

"Syarikat kita masih belum mampu untuk mengeluarkan barangan canggih untuk pasaran dunia, oleh itu kita mahu lihat syarikat Malaysia mengeluarkan barangan canggih melalui penguasaan ilmu pengetahuan.

"Ini bukanlah satu perkara yang mustahil kerana rakyat Malaysia telahpun membuktikan sebelum ini bahawa mereka mampu menguasai sesuatu ilmu pengetahuan itu walaupun sulit," katanya.

Perdana Menteri menegaskan, bagi melahirkan rakyat yang berilmu kerajaan telah sanggup menambahkan jumlah universiti di negara ini.

"Walaupun kita menambah jumlah universiti, kita tetap mempunyai pelajar yang cukup, oleh itu saya yakin negara di masa depan akan memiliki mereka

## hasilkan barangan bermutu

berpengetahuan tinggi dan mampu menyumbang kepada pembangunan negara," katanya.

Bagaimanapun, Dr. Mahathir dalam ucapan tersebut menggesa institusi pendidikan negara ini menerapkan nilai-nilai moral kepada pelajar supaya mereka tidak menyalahgunakan ilmu pengetahuan yang dimiliki.

Tegas beliau, walaupun Malaysia memerlukan rakyat yang menguasai ilmu pengetahuan namun ia masih belum mencukupi bagi membentuk sebuah negara sejahtera.

"Penguasaan ilmu pengetahuan sahaja tidak mencukupi, kita harus menentukan pelajar kita mempunyai sikap dan peribadi yang mulia kerana mereka akan dapat menyedari kewajipan mereka kepada negara dan menjadi rakyat yang bermoral tinggi," katanya.

Beliau menegaskan, pendidikan moral adalah penting bagi mengelakkan mereka yang memiliki ilmu pengetahuan ini menggunakannya untuk tujuan keburukan.

"Tidak ada gunanya jika anak kita berkelulusan tinggi tetapi menggunakan ilmu pengetahuan yang ada untuk melakukan jenayah canggih," katanya.

Dr. Mahathir berkata, penyalahgunaan ilmu pengetahuan akibat daripada moral yang rendah itu sudah terbukti pada zaman ini yang kononnya dianggap canggih dan bertamadun.

"Mereka (golongan terpelajar) menggunakan ilmu pengetahuan yang ada untuk mencipta senjata dan bom yang boleh membunuh ramai manusia walaupun pada zaman batu dahulu senjata yang digunakan untuk berperang hanya mampu mencederakan atau membunuh sedikit orang sahaja," katanya.

Oleh itu, kata Perdana Menteri, Malaysia ingin menjadi negara maju dengan memiliki rakyat yang bukan sahaja memiliki ilmu pengetahuan tetapi menggunakannya dengan baik demi kepentingan negara.